

BAB

ENAM

BAB ENAM

PENUTUP

1. Pendahuluan

Bab ini akan dibahagikan kepada dua bahagian, bahagian pertama mengandungi kesimpulan daripada keseluruhan kajian ini, manakala bahagian yang kedua pula mengandungi beberapa cadangan dan saranan yang dikemukakan oleh penulis hasil daripada keseluruhan penelitian yang dilakukan. Cadangan dan saranan ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang besar ke arah meningkatkan lagi kecemerlangan Pusat Pengajian Pondok sebagai institusi pendidikan yang unggul di Kelantan. Seterusnya pusat pengajian ini mampu bersaing dengan pusat-pusat pengajian lain di dalam mahupun luar negara.

2. Kesimpulan

Jolokan sebagai “Serambi Mekah” yang diberikan kepada negeri Kelantan sebenarnya menggambarkan betapa negeri tersebut terkenal sebagai pusat penyebaran agama Islam dari dahulu hingga sekarang ini. Jolokan tersebut juga menggambarkan betapa kerajaan negeri dan masyarakat Kelantan amat menitik-beratkan pendidikan Islam di negeri tersebut. Sehingga hari ini, negeri Kelantan terkenal dengan pusat-pusat pengajian Islam, sama ada dalam bentuk pusat pengajian tinggi ataupun sekolah-sekolah agama peringkat menengah dan rendah.

Penubuhan Pusat Pengajian Pondok merupakan salah satu daripada usaha kerajaan negeri untuk melahirkan golongan cendekiawan Islam yang benar-benar memahami ajaran Islam. Penubuhan Pusat Pengajian Pondok

dilihat sebagai suatu usaha murni untuk menyambung usaha-usaha yang dilakukan oleh ulama silam di Kelantan. Apatah lagi penubuhan pusat pengajian tersebut yang telah menggabungkan antara dua sistem pengajian iaitu sistem pengajian pondok dan sistem pengajian moden, penggabungan dua sistem tersebut telah menonjolkan institusi tersebut dengan nama “Pondok Moden”. Usaha ini dilakukan untuk memberikan satu ‘satu suntikan tenaga’ bagi mengubati kelesuan yang menimpa institusi pengajian pondok tradisional pada ketika itu. Hasilnya penubuhan Pusat Pengajian Pondok dengan sistem pembelajaran yang baik, tersusun dan bersistematik telah meningkatkan keberkesanan pengajian Islam yang berorientasikan pondok.

Sehingga hari ini, usaha itu telah menampakkan kejayaan, ini terbukti apabila lulusan yang telah dihasilkan oleh pusat pengajian ini telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke institusi pengajian tinggi terutamanya ke Universiti Al-Azhar, Mesir. Seterusnya lulusan pondok ini bergerak cergas sebagai kakitangan kerajaan, tenaga pengajar, pendakwah bebas dan sebagainya. Sesungguhnya penubuhan Pusat Pengajian Pondok dilihat telah memberi impak yang baik untuk melahirkan generasi ulama pelapis khususnya di Kelantan.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1981, perubahan demi perubahan telah berlaku khususnya dalam aspek penyusunan kembali kurikulum pengajian di Pusat Pengajian Pondok. Walau bagaimanapun perubahan-perubahan tersebut tidaklah menghilangkan identitinya sebagai sebuah pusat pengajian yang berteraskan pondok. Dari tinjauan yang dilakukan, penulis mendapati

perubahan fizikal amat sedikit berlaku di Pusat Pengajian Pondok. Setelah meninggalkan pusat pengajian tersebut hampir tiga belas tahun keadaan fizikalnya tidak banyak berubah, dengan bangunan kayu yang sedia ada menampakkan pusat pengajian tersebut telah ditelan usia dan agak tertinggal dari arus pembangunan semasa.

Namun kedaifan fizikal tidak menjadi penghalang kepada pihak pengurusan Pusat Pengajian Pondok untuk terus berusaha demi memberikan pendidikan yang terbaik kepada pelajar-pelajarnya. Melalui struktur pentadbiran yang tersusun, sumber tenaga pengajar yang mahir, dibantu dengan metode dan pendekatan pengajian yang baik, Pusat Pengajian Pondok dilihat masih mampu bersaing dengan pusat-pusat pengajian tinggi lain khususnya di negeri Kelantan.

Dari segi silibus pengajian, pada keseluruhannya Pusat Pengajian Pondok telah mempunyai silibus pengajian yang tersusun, Walau bagaimanapun, usaha perlu dilakukan untuk mengemaskini silibus pengajian yang sedia ada bagi menyesuaikan dengan tempoh waktu yang diperuntukkan. Melalui penelitian yang dilakukan, terdapat silibus pengajian bagi tahun-tahun tertentu yang tidak begitu sesuai dengan masa yang diperuntukkan, dengan erti kata lain, tajuk-tajuk yang perlu dibincangkan pada tahun tersebut terlalu banyak jika dibandingkan dengan masa yang diperuntukkan. Pada pandangan penulis, silibus yang sedia ada akan menjuruskan tumpuan ke arah untuk menghabiskan isi kandungan kitab tetapi tidak melihat kepada isu-isu yang seharusnya menjadi tumpuan.

Setelah diteliti sejarah perkembangan metode pengajian syariah, terbukti bahwa pengajian syariah sudah mempunyai metode pengajian yang mantap dan berkesan. Sejak dari penurunan al-Quran, metode ini dapat dilihat melalui gabungan dua pihak iaitu Allah s.w.t. melalui malaikat Jibril sebagai *murabbi* kepada Rasulullah s.a.w., dan Rasulullah sebagai pelajar, dan kemudian Rasulullah s.a.w. bertindak sebagai guru manakala umatnya pula sebagai pelajar. Daripada gabungan kedua belah pihak ini telah melahirkan metode pengajian yang unggul dan amat berkesan. Metode tersebut telah dipraktikkan sepenuhnya oleh ulama-ulama silam dalam pengajian dan pengajaran mereka, hasilnya pengajian syariah telah melahirkan tokoh-tokoh fuqaha yang telah mewariskan kepada generasi sekarang kitab-kitab *fiqh* yang bertimbun-timbun banyaknya.

Metode-metode tersebut telah dipraktikkan secara meluas di pusat-pusat pengajian hari ini, termasuk Pusat Pengajian Pondok yang telah mempraktikkan metode-metode tersebut dalam pengajian syariah di pusat pengajian tersebut. Antara metode-metode yang digunakan ialah metode kuliah atau syarahan, metode perbincangan, metode hafazan metode halaqah, metode soal jawab, metode qudwah hasanah, metode perdebatan atau perbandingan, metode tugasan, dan metode pandang dengar (ABM).

Namun demikian, hasil kajian ini menunjukkan tumpuan masih lagi diberikan kepada tiga metode utama iaitu metode syarahan, metode hafazan dan metode perbincangan. Ketiga-tiga metode tersebut menjadi tunjang

kekuatan pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok, sementara metode-metode lain bertindak sebagai akar untuk menambah keberkesanan pengajian syariah.

Penggunaan metode syarahan secara lebih meluas di Pusat Pengajian Pondok dilihat mempunyai kaitan yang rapat dengan latar belakannng kurikulum pengajian syariah yang digunakan. Ini kerana, jika dilihat kepada kitab yang dijadikan teks rujukan utama dalam mata pelajaran syariah, sebahagian besarnya adalah terdiri daripada kitab-kitab *turath* yang dianggap sebagai kitab yang agak sukar difahami, yang mana sebahagian besar daripada istilah-istilah yang digunakan dalam kitab tersebut memerlukan kepada syarahan dan huraian yang lebih meluas untuk difahami, dengan ini metode syarahan merupakan metode pilihan yang amat bertepatan dengan kurikulum pengajian syariah yang dilaksanakan.

Di samping itu juga, penggunaan metode-metode pengajian syariah tradisi secara lebih meluas telah menonjolkan keistimewaan dan kebolehan yang tidak dimiliki oleh pelajar-pelajar pusat pengajian tinggi moden. keistimewaan yang dimaksudkan ialah kemampuan pelajar-pelajar lulusan Pusat Pengajian Pondok dalam memahami secara mendalam kandungan-kandungan kitab *turath* yang diwarisi daripada ulama-ulama silam. Kemahiran tersebut boleh dijadikan asas yang kukuh dalam proses untuk melahirkan ulama-ulama *fiqh* yang berwibawa.

Walau bagaimanapun, tumpuan yang diberikan secara berlebihan kepada ketiga-tiga metode tersebut menyebabkan metode-metode lain yang dianggap penting tidak dipraktikkan, antara metode yang kurang diberi tumpuan ialah metode tugas atau amali, metode tersebut sepatutnya digunakan secara lebih meluas dan tidak tertumpu hanya kepada tugas dalam bentuk hafazan dan membuat ulang kaji semata-mata. Tugas dalam bentuk membuat esei, kajian dan penyelidikan hukum perlu diberikan kepada pelajar. Perkara ini penting bagi mendedahkan pelajar kepada pengalaman untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang berlaku. Di samping itu juga tugas dalam bentuk mengadakan penyelidikan hukum ini juga dapat mendedahkan pelajar kepada realiti sebenar pelaksanaan hukum-hukum syara' dalam masyarakat.

Kemahiran yang diperolehi oleh pelajar seharusnya dipertingkatkan lagi, ini boleh dilakukan dengan mendedahkan pelajar kepada pengalaman dalam memperolehi kemahiran dan pengetahuan dalam proses membuat kesimpulan hukum. Jika dinilai dari espek ini, ternyata Pusat Pengajian Pondok kurang memberi tumpuan kepada metode yang boleh melatih pelajar untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Dalam konteks pengajian hari ini, pelajar bukan sahaja perlu diberi ilmu pengetahuan bahkan pelajar tersebut perlu dilatih bagaimana untuk menggunakan ilmu tersebut. Dengan erti kata lain, setiap pelajar bukan sahaja perlu mengetahui hukum hakam yang telah ada dalam kitab yang dipelajari, tetapi pelajar seharusnya mampu menggunakan ilmu yang dipelajari untuk dijadikan asas dalam menyelesaikan persoalan hukum yang tidak terdapat dalam kitab.

Hasil kajian ini juga menunjukkan tanggapan negatif yang sering dinisbahkan kepada guru dan pelajar-pelajar institusi pengajian pondok adalah tidak benar sama sekali. Jika sebelum ini, institusi pondok seringkali dilabelkan sebagai pusat pengajian yang mengamalkan pendekatan taqlid secara membuta tuli dalam pengajian syariah, tetapi hasil kajian ini menunjukkan sebaliknya, iaitu keterbukaan tenaga pengajar dan pelajar Pusat Pengajian Pondok untuk menerima perubahan dalam pendekatan pengajian syariah. Mereka tidak lagi menelan bulat-bulat apa sahaja hukum yang telah diputuskan oleh ulama terdahulu malah mereka juga mampu untuk membuat penilaian terhadap hukum-hukum tertentu dengan lebih objektif dan kreatif.

Akhir sekali, hasil kajian ini juga menunjukkan terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Pusat Pengajian Pondok, antaranya ialah masalah kekurangan kemudahan asas sebagai sebuah pusat pengajian tinggi seperti kemudahan perpustakaan yang lebih selesa, buku-buku rujukan di perpustakaan, kemudahan alat bantu mengajar, kemudahan makmal komputer dan sebagainya. Masalah tersebut perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak pengurusan demi memberi keselesaan kepada tenaga pengajar dan pelajar Pusat Pengajian Pondok.

3. Cadangan

Hasil daripada kajian yang dilaksanakan ini, penulis merasakan perlu untuk mengemukakan beberapa saranan untuk memperbaiki segala kelemahan yang ada, di samping mengekalkan segala kebaikan yang sedia ada. Cadangan dan

saranan ini penulis bahagikan kepada dua bahagian, yang pertama untuk meningkatkan keseluruhan perjalanan Pusat Pengajian Pondok, sementara bahagian yang kedua pula ialah cadangan dan saranan untuk meningkat keberkesanan pengajian syariah secara khusus.

3.1 Keseluruhan Pusat Pengajian Pondok.

Dalam zaman yang serba mencabar dan wujudnya persaingan antara pusat-pusat pengajian tinggi untuk menonjolkan diri sebagai pusat pengajian yang terbaik, Pusat Pengajian Pondok seharusnya mempunyai perancangan masa depan yang tersusun agar ianya mampu bersaing dengan institusi pengajian tinggi yang lain. Dalam merangka perancangan tersebut penulis mencadangkan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian yang sewajarnya oleh pihak pengurusan Pusat Pengajian Pondok, antara saranan tersebut ialah:

1. Pusat Pengajian Pondok perlulah membuat penilaian dari masa ke semasa terhadap semua aspek yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengurusan Pusat Pengajian Pondok. Penilaian tersebut boleh dilakukan dengan mendedarkan borang penilaian kepada pelajar untuk mengetahui maklum balas dan penerimaan para pelajar terhadap segala aspek pembelajaran dan pengurusan Pusat Pengajian Pondok.
2. Membuat penilaian terhadap silibus pengajian syariah yang sedia ada berbanding dengan masa yang diperuntukkan, hasil kajian ini menunjukkan majoriti tenaga pengajar tidak dapat menghabiskan silibus mengikut yang ditetapkan, bahkan ada yang tidak dapat menghabiskan

separuh daripada silibus tersebut. Pihak pengurusan Pusat Pengajian Pondok seharusnya mengkaji semula silibus yang sedia ada bagi memberi keselesaan kepada guru-guru dan pelajar untuk menghabiskan silibus sebagaimana yang ditetapkan.

3. Mengkaji semula jadual pembelajaran, hasil dari kajian ini mendapati jadual pembelajaran yang ditetapkan untuk para pelajar terlalu padat. Jadual pengajian yang dipraktikkan hari ini memerlukan seorang pelajar menghadiri kelas setiap hari dari jam 6.30 pagi hingga jam 4.30 petang dan disambung satu jam selepas solat maghrib. Kepadatan jadual waktu ini menyebabkan pelajar-pelajar tidak dapat membuat ulangkaji dan rujukan kepada buku-buku lain selain daripada teks yang dipelajari di dalam kelas.
4. Menyediakan kemudahan perpustakaan yang lebih selesa, melalui kajian ini penulis mendapati suasana perpustakaan yang sedia ada seakan tidak diuruskan dengan sempurna. Sekali imbas perpustakaan itu kelihatan seperti tidak digunakan oleh pelajar. Pada pandangan penulis keadaan tersebut tidak seharusnya berlaku di sebuah pusat pengajian tinggi.
5. Menyediakan lebih banyak buku rujukan di perpustakaan, terutamanya buku-buku yang membincangkan isu-isu semasa. Melalui kajian ini juga penulis mendapati hampir tidak ada buku-buku baru di perpustakaan. Pihak pengurusan pondok seharusnya berusaha untuk menambah

koleksi buku-buku di perpustakaan, terutamanya buku-buku yang membincangkan permasalahan semasa dalam bidang pengajian syariah.

6. Selain daripada bantuan dan peruntukan yang diberikan oleh pihak Yayasan Islam Kelantan (YIK). Pihak pengurusan perlu berusaha untuk mendapat sumber kewangan sendiri bagi menampung kos pengurusan. Penulis mencadangkan supaya pihak pengurusan mengenakan bayaran yuran dalam jumlah yang minimum bagi setiap kemudahan yang disediakan. Antara yuran yang boleh dikenakan ialah yuran asrama, yuran perpustakaan dan yuran kemudahan komputer. Hasil kutipan yuran-yuran tersebut bolehlah disalurkan untuk meningkatkan lagi kemudahan yang sedia ada.
7. Pihak pengurusan pondok perlu merangka kerjasama dengan lebih banyak pusat-pusat pengajian tinggi tempatan dan luar negara, kerjasama tidak seharusnya tertumpu kepada beberapa universiti di Timur Tengah sahaja. Kerjasama juga perlu dijalinan dengan universiti-universiti tempatan bagi memberi peluang kepada pelajar lulusan pondok menyambung pelajaran di universiti dalam negeri.

3.2 Bahagian Pengajian Syariah

Melalui kajian ini juga penulis akan memberikan beberapa cadangan dan saranan untuk meningkatkan keberkesanan pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok. antara cadangan tersebut ialah:

1. Pada keseluruhannya Pusat Pengajian Pondok telah mempunyai silibus pengajian yang lengkap, walau bagaimanapun penilaian seharusnya dibuat dari masa ke semasa untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengajian syariah. Antara aspek yang perlu diberi perhatian ialah kesesuaian tempoh waktu berbanding silibus yang ditetapkan, perkara ini penting bagi memberi keselesaan kepada tenaga pengajar untuk mengikuti silibus pengajian yang ditetapkan.
2. Melaui kajian ini, penulis mendapati Pusat Pengajian Pondok telah mempunyai kurikulum pengajian syariah yang tersusun, tetapi secara keseluruhannya kurikulum pengajian syariah masih tertumpu kepada pengajian *fiqh* klasik sahaja, tumpuan kurang diberikan kepada pengajian *fiqh* kontemporari seperti kewangan Islam, pentadbiran Islam dan sebagainya. Pada pandangan penulis penilaian perlu dilakukan terhadap kurikulum pengajian syariah yang sedia ada, perkara tersebut penting bagi memberikan pendedahan kepada pelajar pengajian syariah kepada perbincangan *fiqh* kontemporari dalam bidang tersebut. Sekurang-kurangnya pendedahan tersebut dapat menangkis tanggapan negatif sesetengah masyarakat terhadap pelajar lulusan pondok.
3. Pada keseluruhannya Pusat Pengajian Pondok telah mempraktikkan metode-metode pengajian syariah yang diwarisi dari zaman berzaman, penulis mencadangkan agar metode-metode tersebut dikekalkan. Ini kerana, metode-metode tersebut merupakan metode yang paling unggul dalam pembelajaran. Sejarah telah membuktikan bahawa metode-

metode tersebut pernah dipraktikkan oleh ulama-ulama silam dalam menyebarkan ajaran Islam, bahkan metode-metode tersebut pernah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam menyebarkan ajaran Islam kepada para sahabat baginda.

4. Hasil kajian ini juga menunjukkan tumpuan masih lagi diberikan kepada beberapa metode utama dalam pengajian syariah di Pusat Pengajian Pondok. Antara metode yang menjadi tumpuan ialah syarahan, hafazan dan perbincangan. Sedangkan metode-metode lain jarang sekali di gunakan, bahkan ada yang langsung tidak digunakan. Penulis mencadangkan agar ketiga-tiga metode tersebut hendaklah terus dipraktikkan di samping dibantu dengan metode-metode pengajian yang lain. Antara metode yang perlu diberi perhatian ialah metode tugasan dalam bentuk menyiapkan esei, menjalankan kajian ringkas, penyelidikan hukum dan sebagainya. Di samping itu juga, metode perbandingan antara sistem Islam dan sistem Barat perlu digunakan dengan lebih berkesan. Kedua-dua metode ini penting bagi mendedahkan pelajar kepada realiti sebenar pelaksanaan hukum Islam dalam masyarakat hari ini.
5. Mewujudkan satu program pengajian syariah yang lebih berbentuk praktikal. Perkara ini boleh dilakukan dengan cara mendedahkan pelajar kepada corak pengajian yang memerlukan kajian. Contohnya pelajar-pelajar ditugaskan untuk melaksanakan kajian terhadap kes-kes di mahkamah, pelajar juga boleh ditugaskan untuk membuat kajian di

Jabatan Mufti Negeri bagi melihat proses pengeluaran hukum semasa yang berlaku di jabatan tersebut. Bentuk pengajian seperti ini penting bagi mendedahkan para pelajar kepada realiti sebenar pelaksanaan hukum dalam masyarakat. Pengajian dalam bentuk ini juga bertujuan untuk melatih pelajar kepada kemahiran berfikir dan berinteraksi dengan masyarakat. Hal ini amat perlu jika dilihat kepada konteks semasa yang memerlukan kepada kemahiran berfikir dan berinteraksi dengan masyarakat dalam melaksanakan sesuatu kerja.

6. Pada keseluruhannya, pendekatan pengajian syariah yang diamalkan sekarang adalah bersesuaian dengan realiti pengajian syariah hari ini. Penulis mencadangkan agar pendekatan tersebut terus dipraktikkan, walau bagaimanapun satu usaha perlu digemblengkan lagi untuk mengikis budaya belajar yang tidak bersesuaian dengan pendekatan pengajian syariah hari ini. Antara budaya yang perlu dikikis ialah budaya terlalu bergantung kepada hanya satu kitab rujukan dan budaya yang terlalu ta'asub kepada pandangan seorang ulama tertentu sahaja.
7. Merangka perancangan untuk menubuhkan jabatan-jabatan tertentu dalam bidang pengajian syariah, contohnya Jabatan Syariah Pengurusan, Jabatan Syariah Fiqh Dan Usul, Jabatan Syariah Ekonomi dan sebagainya. Penubuhan jabatan ini dilihat penting untuk membawa keluar lulusan-lulusan pondok daripada tanggapan negatif sesetengah pihak. Selain itu, penubuhan jabatan-jabatan juga akan memberi

peluang kepada pelajarnya untuk mendalami ilmu *fiqh* klasik di samping dapat mendalami ilmu-ilmu profesional yang lain.

8. Mengekalkan sistem peperiksaan yang sedia ada. kerana sistem peperiksaan ini adalah lebih praktikal dan mampu untuk menguji para pelajar dari sudut kefahaman dan penghayatan setiap ilmu yang dipelajari.